



Antara yang dipamerkan pada Pameran Manuskip Melayu: Hikayat dan Hakikat Keilmuan Sains Teknologi Alam Melayu di Muzium Warisan Melayu UPM.

[ FOTO SAIFULLIZAN TAMADI / BH ]

# Kehebatan orang Melayu

» Manuskip lama sarat dengan khazanah keilmuan dedah sisi intelektual bangsa

Oleh Latifah Arifin

latifah@bh.com.my

**K**ebijaksanaan Melayu hanya dapat diketahui sekiranya kita mengkaji manuskip lama yang sarat dengan khazanah keilmuan, sekali gus mendedahkan sifat intelektual orang Melayu yang menguasai pelbagai bidang utama termasuk sains dan teknologi.

Pemikiran condong ke Barat perlu dihakis apatah lagi memandang rendah terhadap bangsa sendiri sedangkan banyak bukti penemuan manuskip dan artifik berusia berabad-abad menunjukkan kehebatan bangsa Melayu.

Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, berkata penganjuran Pameran Manuskip Melayu: Hikayat dan Hakikat Keilmuan Sains Teknologi Alam Melayu bertujuan membuka mata masyarakat untuk melihat sendiri kelebihan orang Melayu, khususnya dalam bidang sains.

"Semua manuskip, alatan lama dan artifik dalam pameran ini adalah milik Muzium Warisan Melayu UPM yang didapat hasil usaha keras mendapatkannya termasuk daripada pengumpul koleksi sejarah dan pergi sendiri ke lokasi yang dipercaya mempunyai bahan berkenaan."

"Koleksi manuskip yang ada ialah edisi tunggal yang hanya boleh didapati di muzium ini, bahkan nilai keseluruhannya mencecah RM500,000, sekali gus membuktikan peri penting dan berharganya bahan ini," katanya kepada *Sastera BH*.

## Manuskip tokoh terkenal

Menyentuh mengenai koleksi manuskip lama dalam pameran itu, Muhammad Pauzi berkata, ia meliputi pelbagai bidang ilmu termasuk ilmu hisab, pelayaran dan perubatan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat

pada abad ke-17 hingga ke-19 Masihi.

"Ia ditulis oleh tokoh terkenal seperti Tok Pulai Condong dari Kelantan, Tok Ku Paloh (Terengganu) dan Syeikh Omar Basheer al-Khalidi (Pulau Pinang).

"Ilmu persenjataan orang Melayu juga tidak kurang hebatnya walaupun kita tidak ada senapang yang canggih, alat seperti keris, pemuras, meriam, terakol, tombak dan lembing sentiasa ada dalam genggaman pejuang Melayu silam," katanya.

## Nama keris Hang Jebat

Beliau berkata, pihaknya turut mempunyai manuskip tulisan ulama terkemuka di Kelantan, iaitu Abdul Samad Faqih Abdullah pada abad ke-19 Masihi yang juga satu-satunya manuskip lama yang menceritakan teknik pembuatan keris Hang Tuah dan Hang Jebat.

"Melalui manuskip ini, pengarangnya memberitahu nama keris Hang Jebat sebagai 'Pengkarang' yang setahu saya tidak pernah disebut dalam mana-mana manuskip lama yang lain," katanya.

Tambahnya, keris Sundang Panglima Muar yang boleh berdiri tegak tanpa perlu dipegang juga antara kebijaksanaan ilmu sains dalam masyarakat Melayu ketika itu yang mahir dalam mencari titik graviti tanpa perlu membaca sebarang jampi serapah.

## Seni pertukangan

Muzium Warisan Melayu yang tampil dengan slogan Ketamadunan Melayu Bermula Di Sini turut mempamerkan manuskip yang tidak kurang menarik seperti *Peraturan Bermain Football* oleh Raja Ahmad Raja Musa yang ditulis pada tahun 1911 dan *Kitab Tib* oleh Sheikh Omar Basheer al-Khalidi di Pulau Pinang pada abad ke-19.

Selain itu, peminat rumah Melayu lama turut berpeluang menjajakan kaki dan melihat sendiri seni pertukangan dan keindahannya, antaranya rumah Terengganu yang berusia hampir 150 tahun serta rumah Negeri Sembilan yang dibina sekitar 1920-an dan terletak bersebelahan dengan Muzium Warisan Melayu.



Muhammad Pauzi menunjukkan keris berdiri yang dipamerkan di Muzium Warisan Melayu, UPM.